



LAPORAN KEPUTUSAN KES

MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU RAYUAN JENAYAH NO : JA-41LB-10-11/2023

PENDAKWA RAYA LWN SOORIYA MOOTHY A/L RAMIAH

KORUM	Pesuruhjaya Kehakiman : Y.A. Puan Suriyati Hasimah binti Mohd Hashim
PERAYU	NAMA : AHMAD KHAIRUDDIN BIN KHALID , EMEL : ahmad.khairuddin@agc.gov.my , NO. TEL : 014-3110401 , NAMA PEGUAM/TPR : - , NAMA FIRMA : PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI JOHOR , NO. TEL FIRMA : 07-266 1104 , ALAMAT FIRMA : Aras 2, Bangunan Dato Jaafar Muhammad, Kota Iskandar 79100 Iskandar Puteri Johor Darul Takzim, JOHOR BAHRU ,81100, JOHOR, MALAYSIA.
RESPONDEN	NAMA : SOORIYA MOOTHY A/L RAMIAH , EMEL : - , NO. TEL : - , NAMA PEGUAM/TPR : Suresh , NAMA FIRMA : Tetuan Suresh Balakrishnan & Co. , NO. TEL FIRMA : - , ALAMAT FIRMA : 204, Rumah Awam, Pulau Sebang 3, 73000 Tampin, Melaka , MELAKA TENGAH , 7300, MELAKA, MALAYSIA.
PERTUDUHAN	NAMA OKT : SOORIYA MOOTHY A/L RAMIAH, NO KES : JA-41LB-10-11/2023, AKTA : 297/AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959, SEKSYEN : Seksyen 15(2)(C) Akta Pencegahan Jenayah 1959 , PERTUDUHAN : <i>'Bahawa kamu pada 31 Disember 2020 jam lebih kurang 2.45 petang dapati telah meninggalkan kawasan Mukim Bandar Padang Endau, Daerah Mersing dengan berada di hadapan Sekolah Kebangsaan Tanjung Gemok, dalam Daerah Rompin iaitu diluar kawasan Mukim Bandar Padang Endau sebagai seorang yang ditempatkan dibawah pengawasan polis Seksyen 15 APJ 1959 [03:26] KDN ULPJK as 7004/4/1824 dikehendaki tinggal dalam kawasan Mukim Bandar Padang Endau Daerah Mersing selama 4 tahun mulai 5 September 2019 sehingga 4 September 2023 tidak boleh meninggalkan Mukim Bandar Padang Endau tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Polis Johor. Hendaklah sentiasa memberitahu dimana – mana rumah atau tempat di mana kamu tinggal kepada Ketua Polis Daerah Mersing. Kamu hendaklah berada di dalam rumah atau tempat di mana kamu tinggal di antara jam 8 malam dan 6 pagi melainkan mendapat kebenaran khas daripada Ketua Polis Daerah Mersing dan hendaklah melaporkan diri kepada Balai Polis Endau pada setiap Isnin, Rabu dan Jumaat pada tahun pertama. Isnin dan Khamis pada tahun kedua, ketiga dan keempat mengikut Perintah Pengawasan Polis yang dilanjutkan oleh Menteri Dalam Negeri Malaysia. Kamu telah didapati melanggar syarat tersebut kerana berada di luar kawasan Mukim Bandar Padang Endau Daerah Mersing Negeri Johor tanpa kebenaran secara bertulis daripada Ketua Polis Johor. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 (2) (c) Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 15 (4) Akta Pencegahan Jenayah 1959.</i>
KEPUTUSAN	YA HAKIM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 3 TELAH MENOLAK RAYUAN PERAYU DAN MENGEKALKAN HUKUMAN LEPAS DAN BEBAS SEPERTIMANA PERINTAH BERSIH YANG DIBERIKAN PUAN MAJISTRET YANG BIJAKSANA IAITU PUAN RASHIDAH BINTI BAHAROM.
TARIKH KEPUTUSAN	12/08/2024
TARIKH FAIL RAYUAN	26/08/2024
TARIKH DIHANTAR KEPADA ANT	13/08/2024
ALASAN PENGHAKIMAN	



YA HAKIM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 3 TELAH MENGEKALKAN PERINTAH LEPAS DAN BEBAS YANG DIBERIKAN PUAN MAJISTRET YANG BIJAKSANA IAITU PUAN RASHIDAH BINTI BAHAROM.

YA HAKIM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 3 TIDAK MENJELASKAN ALASAN- ALASAN KEPADA PERINTAH TERSEBUT.

LATAR BELAKANG DAN FAKTA KES

1. Pada 31/12/2020 Jam Lebih Kurang 2.25 Petang , Semasa Pengadu Sarjan Meiar 103806 Mohamad Suhaimi Bin Hussin Berada Di Pejabat Ketua Polis Balai Endau, Telah Menerima Panggilan Telefon Daripada Orang Awam Memberitahu Bahawa Seorang Lelaki India Yang Dikenali Dengan Nama Sooriya Moorthy Yang Merupakan Orang Sekatan Polis Mukim Endau Berada Di Hadapan Sekolah Kebangsaan Tanjung Gemok, Rompin, Pahang.
2. Pada 31/12/2020 Jam Lebih Kurang 2.45 Petang, Pengadu Bersama Konst. 211272 Telah Pergi Ke Hadapan Sekolah Kebangsaan Tanjung Gemok, Rompin, Pahang Dan Mendapati 1(L) India Nama Sooriya Moorthy A/L Ramiah, Kpt:801019-04-5285 Berada Di Dalam Sebuah Lori No.Pendaftaran Jbk 6896. Pengadu Kemudian Tangkap Penama Kerana Telah Melanggar Perintah Pengawasan Polis Dengan Meninggalkan Mukim Sekatan Iaitu Mukim Bandar Padang Endau, Mersing, Johor Tanpa Sebarang Kebenaran Bertulis Daripada Pihak Polis. Laporan Tangkapan Sebagaimana Tanjung Gemok Repot: 2454/2020. Arahan Pengawasan Sepertimana Kdn. Ulpjk. S.700-4/4/1824 Bertarikh 5/9/2019.
3. Hasil Siasatan Dapati Tertuduh Merupakan Orang Dalam Pengawasan Polis Yang Sedang Menjalani Perintah Sekatan Selama (4) Tahun Bermula 05/9/2019 Sehingga 4/9/2023 Di Di Mukim Bandar Padang Endau, Daerah Mersing, Negeri Johor.
4. Tertuduh Telah Ditangkap Kerana Telah Melanggar Syarat-Syarat Pengawasan Iaitu Telah Meninggalkan Mukim Sekatan Yang Telah Ditetapkan Tanpa Kebenaran Bertulis Daripada Pihak Polis Sepertimana Ditetapkan Dalam Syarat-Syarat Perintah Pengawasan.

ISU YANG DIBANGKITKAN DAN HUJAHAN PIHAK-PIHAK



Isu yang dibangkitkan oleh Puan Majistret didalam Alasan Penghakimannya adalah sepertimana berikut:-

Isu 2: Orang Awam Yang Telah Memberikan Maklumat Tidak Dipanggil Oleh Pendakwaan. Berdasarkan Kepada Laporan Polis Pada Eshibit P5, Telah Dinyatakan Pengadu Telah Menerima Panggilan Telefon Dari Orang Awam. Di Dalam P5 Ini, Tidak Dinyatakan Siapakah Orang Awam Tersebut Secara Terperinci. Pada Peringkat Ini, Setelah Menilai Keterangan Secara Keseluruhan, Mahkamah Mendapati Bahawa Orang Awam Ini Adalah Tidak Dilindungi Dibawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Segala Butiran Berkenaan Pemberi Maklumat Hendaklah Dinyatakan Di Dalam P5 Dan Pada Peringkat Ini, Adalah Satu Keraguan Apabila Identiti Beliau Tidak Didedahkan Dan Langsung Tidak Dipanggil Untuk Memberikan Keterangan. Mahkamah Ini Mendapati, Keterangan Oleh Orang Awam Ini Adalah Sangat Penting Untuk Memastikan Tiada Keraguan Di Dalam Kes Pembelaan Atas Alasan Pengadu Di Dalam Kes Ini Tidak Dapat Memberikan Keterangan Atau Diperiksa Balas Oleh Pihak Pembelaan.

HUJAHAN PERAYU

1. Adalah Dihujahkan Bahawa, Puan Majistret Yang Bijaksana Sedikit Keliru Akan Peruntukkan Undang-Undang Yang Mana Memutuskan Bahawa Adalah Satu Keperluan Untuk Dinyatakan Identiti Individu Yang Telah Menghubungi Pengadu Didalam Laporan Polis Pengadu (P5) Sehingga Puan Majistret Yang Bijaksananya Menyatakan Bahawa Keterangan Orang Awam Tersebut Adalah Penting Dan Perlu Dipanggil Memberi Keterangan.
2. Adalah Ditegaskan Disini Bahawa, Isu Yang Hendak Dihujahkan Oleh Pihak Perayu Adalah Bukan Berkenaan Dengan Kepentingan Meletakkan Maklumat Identiti Pemberi Maklumat Mahupun Keperluan Pemberi Maklumat Tersebut Dipanggil Dalam Memberi Keterangan. Namun Demikian, Apa Yang Paling Mustahak Adakah Keterangan Yang Diberikan Oleh Pengadu Bersama Pasukannya Adalah Benar Dan Menceritakan Akan Perkara Yang Berlaku Pada Masa Material Terhadap Tertuduh Ini
3. Pihak Perayu Menegaskan Disini Bahawa, Isu Kedua Yang Dibangkitkan Oleh Puan Majistret Yang Bijaksana Ini Didalam Alasan Penghakimannya Adalah Tidak Munasabah Dan Relevan. Pihak Perayu Percaya Bahawa Sekiranya Isu Tersebut Adalah Penting, Sudah Semestinya Dibangkitkan Oleh Pihak Responden Mahupun Pihak Mahkamah Ketika Diperingkat Kes Pendakwaan. Namun Demikian, Dapatan Puan Majistret Yang Bijaksananya Ketika Diperingkat Pendakwaan Telah Memutuskan Bahawa Pihak Perayu Telah Berjaya Membuktikan Satu Kes Prima Facie Yang Mana Telah Menjelaskan Alasannya Memutuskan Sedemikian. **RR, Jld 1, M/S 17-20**

CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA NEGERI/AGENSI

CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA TERHADAP KESELURUHAN DAPATAN YA HAKIM MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 3 PADA 13/08/2024 ADALAH PERLU DIRAYU.

KES INI TELAH DIPERTUDUHKAN PADA TAHUN 2021 DAN DIKENDALIKAN OLEH TIMBALAN PENDAKWA RAYA YANG SAMA DIPERINGKAT MAHKAMAH RENDAH SEHINGGALAH DI PERINGKAT MAHKAMAH TINGGI IAITU PADA TAHUN 2024.

TIMBALAN PENDAKWA RAYA TELAH MENDAPATI BAHAWA YA HAKIM MAHKAMAH TINGGI TELAH TERKHILAF DALAM MEMUTUSKAN BAHAWA ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN MAJISTRET DIDALAM ALASAN PENGHAKIMAN IAITU ORANG AWAM YANG TELAH MEMBERIKAN MAKLUMAT TIDAK DIPANGGIL OLEH PIHAK PENDAKWAAN ADALAH MATERIAL SEDANGKAN ISU TERSEBUT SAMA SEKALI TIDAK MENJEJASKAN KES PENDAKWAAN SAMA SEKALI.

PIHAK PENDAKWAAN TELAH BERJAYA MEMBUKTIKAN SATU PRIMA FACIE KES DAN ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN MAJISTRET DI DALAM ALASAN PENGHAKIMAN TERSEBUT TIDAK PERNAH SAMA SEKALI DIBANGKITKAN OLEH MANA-MANA PIHAK.

OLEH ITU, SAYA MEMOHON SUPAYA KES INI DIRAYU DIPERINGKAT MAHKAMAH RAYUAN. SEKIAN TERIMA KASIH

Nama : AHMAD KHAIRUDDIN BIN KHALID
Jawatan : TIMBALAN PENDAKWA RAYA
No. Telefon : 0143110401

CADANGAN PENGARAH PENDAKWAAN NEGERI/AGENSI



ULASAN PENGARAH PENDAKWAAN NEGERI JOHOR

Saya mencadangkan Notis Rayuan di atas keputusan YA PK yang telah mengekalkan perintah Puan Majistret terhadap OKT di atas alasan berikut:

1. Tangkapan keatas OKT ini tidak memerlukan saksi lain selain daripada pegawai tangkapan iaitu A1 yang mana telah hadir bersama A2 ke tempat kejadian iaitu Tanjung Gemok.
 2. Tiada keraguan di dalam kes pendakwaan bermula daripada peringkat awal sehinggalah diakhir kes pembelaan.
 3. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie dan Pihak pembelaan telah gagal meimbulkan satu keraguan yang munasabah.
 4. Kes ini merupakan satu direct kes.
4. Walaubagaimanapun, saya menyerahkan keputusan selanjutnya kepada YBhg Datin.

Sekian, terima kasih.

ULASAN KETUA UNIT RAYUAN

Sila kaji dan bincang.

CADANGAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN



YBrs. Puan KUB,

Setelah meneliti Laporan Keputusan Kes (LKK) ini dan bercakap dengan Tuan Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan kes ini, saya bersetuju untuk **RAYUAN DIFAILKAN** atas alasan-alasan berikut:

1. Menurut kes **Khwaja Nazir Ahmad, v Emperor [2008] 2 MLJ 501** at 511AIR [1945] PC 18, Privy Council telah menyatakan Laporan Maklumat Pertama bukanlah merupakan prasyarat bagi pihak polis untuk memulakan siasatan jenayah, tetapi ia membolehkan pihak polis mendapatkan maklumat awal mengenai kegiatan jenayah, dan merekodkan keadaan kes itu.
2. Chang Min Tat J (as he then was) di dalam menilai keterangan melalui *first information report* telah menyatakan di dalam kes **Tan Cheng Kooi & Anor v PP [1972] 2 MLJ 115** at p 118:

"Now the importance of a first information report has been stressed in a number of decisions. It is **not a substantive piece of evidence** and it is inadmissible for the purpose of proving that the facts stated in it are correct. But it can be used by way of corroboration or contradiction: per Carnduff J in 17 CWN 1213:

The first information is a document of great importance and in practice it is always and very rightly produced and proved in criminal trials. But it is not a piece of substantive evidence and it can be used only as a previous statement admissible to corroborate or contradict the author of it."

3. Mahkamah Rayuan di dalam kes **Dato Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor [2002] MLJ 486** yang telah mengesahkan keputusan di dalam kes **Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1**. Perenggan yang relevan dikemukakan berkaitan dengan First Information Report di dalam kes tersebut:

"Furthermore, the section does not say that there can be no investigation without a report. It has been held by the Privy Council that the receipt and recording of a report is not a condition precedent to the setting in motion of a criminal investigation and that there is no reason why the police, if in possession through their own knowledge or by means of credible though informal intelligence which genuinely leads them to the belief that a cognizable offence has been committed, should not of their own motion undertake an investigation into the truth of the matters alleged (see Emperor v Kwaja Nazir Ahmed AIR 1945 PC 18). It has also been held that a police report is not a condition precedent for the commencement of a criminal prosecution (see Apsen Joseph v State of Kerala AIR 1973 SC 1, Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209). I also refer to PP v Foong Chee Cheong [1970] 1 MLJ 97 where Gill J (as he then was) said at pp 97-98:

.... However important a document a first information report is, it can never be treated as a piece of substantive evidence and the fact that no first information report was made is not in itself a ground for throwing out a case. The powers of the police to investigate do not depend solely on Chapter XUI of the Criminal Procedure Code. The duties of a police officer as set out in s 20 of the Police Act 1967 include apprehending all persons whom he is by law authorized to apprehend and these duties are amplified in s 23 of the Criminal Procedure Code. Most of these duties imply a power to investigate whether there has been an information under s 107 of the Criminal Procedure Code or not (see Vellasamy v Rex [1941] MLJ 233 at p 236)."

4. Di dalam kes ini Pegawai Penyiasat dan Pegawai Tangkapan telah dipanggil dan Mahkamah Majistret juga telah memutuskan bahawa prima facie kes telah berjaya dibuktikan. Keterangan telah membuktikan bahawa sememangnya Responden telah melanggar syarat di bawah Seksyen 15(2)(c) Akta 297.

5. Saya ingin mencadangkan persoalan undang-undang berikut yang boleh dibangkitkan di peringkat Mahkamah Rayuan:

"Sama ada kegagalan pihak Pendakwaan memanggil Pengadu adalah *fatal* bagi membuktikan kesalahan di bawah Seksyen 15(2)(c) Akta 297"

Untuk arahan YBrs. Puan selanjutnya.

Sekian, Terima kasih.

TPR IZHANI

[Nota: Terdapat lampiran berhubung dengan Notis Rayuan]

Nama : NORZILATI IZHANI BINTI ZAINAL @ ZAINOL
Jawatan : TIMBALAN KETUA PENASIHAT UNDANG-UNDANG
No. Telefon : 0122768147

ULASAN KETUA UNIT RAYUAN



YBhg Dato' TKBPR,

Saya berpendapat rayuan tidak perlu difailkan atas alasan:

- a) Kes bermula dari Mahkamah Majistret;
- b) Tiada apa-apa persoalan undang-undang seperti kehendak seksyen 50(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dan
- c) Terdapat "concurrent finding of fact" di dalam kes ini.

Pohon arahan lanjut YBhg Dato'.

Sekian terima kasih.

TPR Mangai

Ketua Unit Bicara

Nama : MANGAIARKARASI A/P KRISHNAN
Jawatan : KETUA UNIT

ULASAN/KEPUTUSAN TIMB KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN

Saya berpandangan adalah wajar rayuan difailkan. Terdapat persoalan Undang Undang y6ang berbangkit terutama berkait kepentingan dan relevancy FIR dikemukakan dalam keadaan kes atas pertuduhan yang dikemukakan.

Nama : YUSAINI AMER BIN ABDUL KARIM
Jawatan : TIMBALAN KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN I

KEPUTUSAN KETUA BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN

Nama :
Jawatan :

TUTUP FAIL

Memenuhi KPI :

Memihak Kepada : PP

Keputusan : RAYU

Tarikh Rayuan Difailkan :

Catatan : Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan telah difailkan pada 26 Ogos 2024 melalui Sistem E-Filing. LKK selesai dan ditutup pada 26 Ogos 2024.

Tarikh : 26/08/2024

IZYAN LIANA BINTI RADZUAN
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG
UNIT RAYUAN,BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN